



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** serta berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan bertaraf **Bumiputera (Jika Berkaitan)** yang masih sah tempohnya dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

NO. TENDER	PERIHAL KERJA	HARGA DOKUMEN/ TARIKH MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN
MBJB/K/ 28/2022	<p>Kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyelenggaraan Bagi Menara MBBB Di One Bukit Senyum Johor Bahru Untuk Tempoh 3.16 Tahun</p> <p>Tarikh Taklimat : 23.6.2022 (Khamis) & Lawatan Tapak Tempat : Bilik Persidangan A, Aras 7, Jabatan Penilaian</p> <p>Jam : 8.00 pagi – 5.00 petang Tarikh Tutup Tender : 18.7.2022 (Isnin) Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBBB/U/2022/20/TDR/1 <i>(Taklimat Dalam Talian Diwajibkan)</i></p>	<p>RM300.00</p> <p>26.6.2022 hingga 14.7.2022</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>CIDB Gred : G7 Kategori : F Pengkhususan : F01 DAN berdaftar dengan JCCD (Sijil Kontraktor Johor)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB/KKM Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak</p>

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak di Bahagian Berkenaan semasa waktu pejabat mulai Tender ini diiklankan iaitu pada **20.6.2022 (Isnin)**. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBBJ **iaitu www.mbjb.gov.my**

4. Penender yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat di pejabat di Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Hanya **PENENDER** [Penama dalam Sijil CIDB/KKM(Jika Berkaitan)] **SAHAJA DIBENARKAN** hadir ke taklimat di pejabat dan lawatan tapak (Jika Berkaitan) **DAN TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran sebagaimana para 7 semasa taklimat di pejabat. Bagi petender yang belum mendaftar Sijil Kontraktor Johor (JCCD) boleh mendaftar dilaman sesawang <https://skj.jccd.com.my/user/register>

5. Penender **DIWAJIBKAN** untuk mendaftar syarikat secara dalam talian menggunakan sistem I-perolehan sebelum hari taklimat diadakan melalui laman sesawang **<https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>**. Segala kesulitan yang dihadapi ketika hari taklimat akibat tidak mendaftar adalah di bawah tanggungan pihak penender sendiri. *Sila abaikan syarat ini jika syarikat telah mendaftar*

6. Pembelian dokumen tender boleh dilakukan semasa waktu pejabat di **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Majlis Bandaraya Johor Bahru** mulai tarikh yang ditetapkan di atas dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem eKhidmat (**<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>**) atau di kiosk MBBJ sahaja. Sila Rujuk sistem iPerolehan MBBJ bagi penjualan tersebut.

7. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil-sijil ASAL berserta satu salinan setiap sijil semasa membeli dokumen tender sebagaimana berikut:

- 7.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB;
- 7.2 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK (BPKU);
- 7.3 Sijil Virtual Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Taraf Bumiputera (Jika Berkaitan);
- 7.4 Sijil Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Permit IPA Pembetungan Jenis D atau E) (Jika Berkaitan)
- 7.5 No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

8. Dokumen Tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Unit Mesyuarat, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru sebelum jam 12.00 tengahari pada **18.7.2022 (Isnin)**.
9. Dokumen Tender yang di hantar melalui pos biasa / pos laju hendaklah dialamatkan Ke Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras Bawah, Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk dimasukkan di dalam Peti Tender sebelum 12.00 tengahari pada tarikh tutup yang di tetapkan di atas. (Pihak MBBJ tidak bertanggungjawab sekiranya serahan tidak diterima)
10. Majlis tidak semestinya menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran yang lain.

(DATO' HAJI MOHD NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Johor Bahru.

30/1/12/16/kan tender 2015